



29 Mac 2013
29 March 2013
P.U. (A) 122

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN)
(PENGEQUALIAN) 2013

*PETROLEUM (INCOME TAX) (EXEMPTION)
ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 65C(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan)(Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

Tafsiran

2. Bagi maksud Perintah ini—

“medan marginal” ertinya suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 3.

Medan marginal

3. Menteri boleh menentukan suatu medan marginal iaitu suatu medan dalam kawasan perjanjian petroleum yang mempunyai rizab minyak mentah yang berpotensi tidak melebihi tiga puluh juta tong tangki stok atau rizab gas asli tidak melebihi lima ratus bilion kaki padu standard.

Pengecualian

4. (1) Menteri mengecualikan seseorang yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan petroleum berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperolehi daripada operasi petroleum di suatu medan marginal.

(2) Tertakluk kepada perenggan 5, pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$\frac{A \times C}{B}$

B

iaitu A ialah cukai yang boleh dikenakan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan operasi petroleumnya di suatu medan marginal yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatan yang boleh dikenakan cukainya ditolak dengan cukai yang boleh dikenakan yang bersamaan dengan dua puluh lima peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai;

B ialah cukai yang boleh dikenakan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai yang bersamaan dengan tiga puluh lapan peratus daripada pendapatannya yang boleh dikenakan cukai; dan

C ialah amaun bagi pendapatannya yang boleh dikenakan cukai.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang boleh dikenakan cukai daripada mematuhi apa-apa kehendak bagi mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Pendapatan berkanun

5. Pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 4(1) hendaklah ditentukan mengikut Bab 4 Bahagian III Akta dan Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [*P.U. (A) 119/2013*].

Ketidakpakaian

6. (1) Perintah ini tidak terpakai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai bagi tempoh asas suatu tahun taksiran jika orang yang boleh dikenakan cukai itu menjalankan operasi petroleum—